



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR

24 Dis 2020 (Khamis)

Berita Harian

KKM kesan mutasi baharu	1
Krisis air di Selangor, kualiti udara jadi bualan	2
400 kilang berdepan tindakan roboh, sita	3
BH raih Anugerah Berita Alam Sekitar Terbaik MPK	4

Utusan Malaysia

Tabiat buang sampah masih belum 'mati'	5
--	---

Harian Metro

Jalani saringan percuma	6
400 kilang haram tunggu masa	7
Laluan MyAV diluluskan	8

Sinar Harian

McDonald's Malaysia bayar zakat rm1 juta	9
Kakitangan MPK dapat bonus setengah bulan gaji	10
Sinar Harian terima Anugerah Berita Pembangunan Terbaik MPK 2020	11
Air Selangor raih RM1.15 bilion daripada terbitan Sukuk Murabahah pertama	12

Selangor TV

Baiki Bahu Jalan Rosak Elak Kemalangan Berulang	13
Kerajaan Negeri Sedia Bantu Pulih Rumah Pangsa Uzur	14
Sultan Terima RM9.8 Juta Zakat Perniagaan	15

The Star

Sticking to the game plan	16
COUNCIL MATTERS	17
Making the window of opportunity count	18
Kuala Langat council steps up efforts to address illegal dumping	19
Council aiming for softer touch with petty traders	20
Higher fines for misuse of blue bays	21
Azmin, Hajiji and Anas send Xmas greetings	22
'Make way for others to lead'	23
Air Selangor raises RM1.15bil from inaugural sukuk issuance	24

Guang Ming Daily

Another Covid-19 case that is not hospitalised in 6 days; Fishmonger asked for help over fear of infecting family	25
More staff tested positive after 2nd round of screening; 1 Kossan factory closed for 10 days	26

Makkal Osai

Air Selangor helps less fortune children through 'Sesama Mara' programme	27
Jalan Meru market closed for one more week	28
Suggestion to impose parking charges at Sepang district postponed	29

Malaysia Nanban

Selangor government plan to modify dilapidated housing	30
--	----



KERATAN AKHBAR
24 December 2020

Akhbar	:	Berita Harian
Tajuk Berita	:	KKM kesan mutasi baharu
Muka Surat	:	9

Penularan COVID-19

KKM kesan mutasi baharu

A701V hasil ujian sampel dari Sabah, belum pasti miliki kebolehhajngkitan tinggi

Oleh Ahmad Suhael Adnan
 ahmad.suhael@bh.com.my

Putrajaya: Kementerian Kesihatan mengesan mutasi baharu virus COVID-19 di Malaysia, yang dikenali sebagai A701V, hasil kajian terhadap sampel dari Sabah.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah, berkata mutasi itu dikesan hasil ujian terhadap 60 sampel daripada kluster Benteng Lahad Datu.

Katanya, Kementerian Kesihatan (KKM) belum dapat menyimpulkan sama ada mutasi baharu itu memiliki kebolehhajngkitan yang tinggi atau bersifat 'ganas'.

"Ogos lalu, kita mengesan mutasi virus D614G di Kedah melalui kluster Sivagangga, selain ia turut dikesan di Johor dan Sabah.

"Hasil ujian daripada 60 sampel daripada kluster Benteng Lahad Datu pula, kita mendapati terdapat juga mutasi A701V, yang turut pernah dikesan di Afrika Selatan, Australia dan Belanda.

"Bagaimanapun, kita belum dapat pastikan impak kesihatannya, sama ada mutasi A701V ini memiliki kebolehhajngkitan yang



Petugas kesihatan Klinik Selcare melakukan ujian saringan COVID-19 secara percuma anjuran kerajaan Selangor dalam program ujian komuniti bersasar di Jalan Batu Unjur 3A, Taman Bayu Perdana, Klang, semalam.

(Foto Faiz Anuar/BH)

Kementerian Kesihatan sedang memantau kesan mutasi baharu A701V ini, dari segi sama ada ia memiliki kesan pada keberkesanan vaksin, kadar kebolehhajngkitan meningkat dan keganasan virus ini.

Dr Noor Hisham Abdullah,
 Ketua Pengarah Kesihatan

tinggi atau bersifat 'ganas' seperti D614G," katanya di sini, semalam.

Dr Noor Hisham berkata, virus COVID-19 akan sentiasa bermutasi, namun apa yang perlu diberi tumpuan ialah sama ada mutasi baharu itu memiliki impak kesihatan yang lebih besar, berbanding varian sedia ada.

"Contohnya seperti mutasi D614G didapati memiliki 10 kali lebih jangkitan. Begitu juga varian baharu di United Kingdom (UK) dikenali sebagai VUI-202012/01, yang dikatakan 70 peratus lebih mudah berjangkit.

"Kementerian Kesihatan sedang memantau kesan mutasi baharu A701V ini, dari segi sama ada ia memiliki kesan pada keberkesanan vaksin, kadar kebolehhajngkitan meningkat dan ke-

ganasan virus ini," katanya.

Ditanya sama ada kerajaan akan menambah kembali tempoh kuarantin individu dari luar negara kepada 14 hari, berbanding 10 hari susulan penemuan mutasi baharu di UK, Dr Noor Hisham berkata, kerajaan masih kekal dengan tempoh 10 hari.

"Kajian menunjukkan tidak banyak beza di antara kuarantin selama 10 hari atau 14 hari kerana kebanyakan kes yang dijangkiti virus itu akan bergejala atau boleh dikesan pada minggu pertama.

"Jika lihat varian baharu di UK, Malaysia masih mengekalkan sekatan membabitkan 23 negara, dan individu dari negara terbabit akan kekal disaring serta dipantau selama 10 hari," katanya.



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
 TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
 40503, SHAH ALAM, SELANGOR
 No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
 Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
 CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR 24 December 2020

Akhbar	:	Berita Harian
Tajuk Berita	:	Krisis air di Selangor, kualiti udara jadi bualan
Muka Surat	:	19

Krisis air di Selangor, kualiti udara jadi bualan

Pandemik 'meletus' beri hikmah terhadap alam sekitar negara

Oleh Latifah Arifin dan Saadiah Ismail
 bhnews@bh.com.my



Kuala Lumpur: Kalendar 2020 merakam rentetan isu alam sekitar yang semakin meruncing dan bagaikan tiada berpenghujung, terutama kemelut membatikan pencemaran sungai di Selangor.

Polemik itu hangat diperkatakan kerana menyebabkan gangguan bekalan air tidak berjadual hinggalah dirujuk sebagai 'acara bulanan' dalam kalangan penduduk Lembah Klang.

Oktober lalu, Operasi Loji Rawatan Air (LRA) Fasa 1, Fasa 2, Fasa 3 dan Rantau Panjang terpaksa dihenti tugas enam kali angkara kes pencemaran sungai.

Lebih memburukkan keadaan, krisis air berlaku ketika usaha mengawal penularan jangkitan COVID-19 giat dijalankan dan Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) dilaksanakan semula.

Ketiadaan bekalan air menambah kebimbangan masyarakat terjejas berikutan sukar memastikan penjagaan kebersihan secara maksimum seperti saranan Kementerian Kesihatan (KKM), termasuk supaya kerap mencuci tangan.

Pencemaran sungai di Selangor dilaporkan berlaku dua kali pada Oktober lalu. Kejadian pertama ialah pada 5 Oktober membatikan Sungai Batang Benar, Negeri Sembilan sehingga LRA Sungai Semenyih dan Bukit Tampoi di-henti tugas, mengakibatkan lebih 309,605 akaun terjejas.

Kali kedua pada 18 Oktober yang menjejaskan 1,196,457 pemegang akaun Pengurusan Air Selangor Sdn Bhd (Air Selangor) akibat pencemaran sumber air di Sungai Selangor.

Kekerapan gangguan bekalan air menjadi titik perubahan apabila tindakan lebih tegas diambil oleh Kementerian Alam Sekitar

dan Air dan kerajaan negeri Selangor.

Pada 1 Oktober lalu, Kementerian Alam Sekitar dan Air menubuhkan Unit Cegah Jenayah Alam Sekitar (UCJAS) dianggotai Jabatan Alam Sekitar (JAS), Polis Diraja Malaysia (PDRM), Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN) dan Jabatan Biokeselamatan (JBK) bagi memastikan tindakan pengesanan jenayah alam sekitar dan tindakan undang-undang dapat diambil lebih cepat.

Saranan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) berkaitan alam sekitar yang mengharapakan hukuman lebih tegas dikenakan ke atas pelaku jenayah alam sekitar turut diterima.

Buat kali pertama pada 23 November lalu, dua lelaki, termasuk seorang pengarah sebuah syarikat didakwa di mahkamah atas pertuduhan melakukan sabotaj kepada perkhidmatan air di Selangor, membatikan kesalihan terhadap keselamatan negara mengikut Akta Kesalahan Keselamatan (Langkah-Langkah Khas) 2012 (SOSMA).

Ia mencatat sejarah apabila menjadi kes jenayah alam sekitar pertama di Malaysia dituntut di bawah Seksyen 124 Kanun Keselamatan SOSMA yang memperuntukkan hukuman penjara seumur hidup, jika sabit kesalahan.

Selain pencemaran, rizab margin air terawat membatikan enam negeri turut dilaporkan berada dalam keadaan membimbangkan.

Setakat suku kedua tahun ini, Kelantan dan Kedah masing-masing mencatat kadar rizab margin air terawat paling kritikal iaitu -0.2 peratus dan -2.3 peratus.

Pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) bermula 18



Ketika pelaksanaan PKP bacaan IPU di seluruh negara dalam keadaan baik dan sederhana, terutama di bandar besar dan kawasan perindustrian.

Mac lalu sememangnya mendatangkan pelbagai cabaran, baik kepada ekonomi negara secara keseluruhannya mahu pun kehidupan rakyat biasa.

Namun, di sebalik 'pengurangan' itu, hikmahnya berbeza buat alam sekitar di negara ini.

Tanpa asap kenderaan di jalan raya dan operasi sektor industri, perlahan-lahan sungai kembali jernih, manakala kualiti udara dilaporkan berganda lebih baik.

Analisis Indeks Pencemaran Udara (IPU) yang dilaporkan Jabatan Alam Sekitar (JAS) menunjukkan bacaan IPU di seluruh negara berada dalam keadaan baik dan sederhana, terutama di bandar besar dan kawasan perindustrian.

Analisis kualiti udara oleh JAS sehingga 28 April lalu menunjukkan 26 peratus peningkatan IPU bagi bilangan hari bersih dan penurunan 19 peratus bagi bilangan hari sederhana di seluruh negara ketika PKP dilaksanakan.

JAS turut melaporkan penurunan parameter utama, iaitu nitrogen dioksida, sulfur dioksida, karbon monoksida dan habuk halus bersaiz diameter 2.5 mikron di stesen pengawasan kualiti udara di seluruh negara.

Ia berikutan penurunan bilangan kenderaan di jalan raya, pengurangan pelepasan asap kenderaan, aktiviti perindustrian tidak melepaskan asap daripada cerobong industri dan tiada pembakaran terbuka.

Perubahan persekitaran itu menarik orang ramai berkecuali apa yang berlaku di keliling mereka seperti sungai mengalir jernih dan langit biru serta udara yang segar.

Keadaan sama turut dilaporkan



Orang ramai mengambil bekalan air bersih di pusat khidmat setempat dan pili awam ketika loji rawatan air ditutup akibat pencemaran bau.

di luar negara, termasuk beberapa bandar raya China seperti Shenzhen, Guangzhou dan Shanghai serta Itali yang turut mengenakan sekatan pergerakan, sekali gus mencatat penurunan kandungan nitrogen dioksida dengan drastik dalam udaranya.

JAS melaporkan pemantauan kualiti air menunjukkan kualiti sungai meningkat 28 peratus lebih baik susulan pemberhentian pelbagai operasi tidak penting yang mengurangkan aliran beban pencemar.

Sungai Klang menarik perhatian ramai apabila jumlah sampah dikeluarkan dari sungai itu berkurangan 43 peratus, manakala bacaan indeks kualiti airnya mencecah 90 peratus sepanjang tempoh PKP.

Pandemik COVID-19 seharusnya mengajar semua pihak supaya berdamaikan dengan alam sekitar dan menjaga khazanah yang sedia ada itu dengan lebih baik dalam memastikan ia mampu terus dibawa ke tahun-tahun mendatang.



KERATAN AKHBAR
24 December 2020

Akhbar	:	Berita Harian
Tajuk Berita	:	400 kilang berdepan tindakan roboh, sita
Muka Surat	:	20

400 kilang berdepan tindakan roboh, sita

Klang: Majlis Perbandaran Klang (MPK) mengenal pasti kira-kira 400 kilang yang akan dirobohkan, disita atau dipotong bekalan air dan elektrik berikutan masih tidak membuat sebarang permohonan untuk pemutihan.

Yang Dipertua MPK, Dr Ahmad Fadzli Ahmad Tajuddin, berkata semua kilang terbabit masih mempunyai kira-kira tujuh hari untuk berbuat demikian sebelum tarikh akhir 31 Disember ini.

Katanya, sekiranya gagal menghantar dokumen berkaitan program pemutihan sehingga tempoh itu, MPK tidak teragak-agak mengambil tindakan penguatkuasaan seperti arahan kerajaan negeri sebelum ini.

“Kira-kira 400 kilang di kawasan pentadbiran MPK belum berbuat apa-apa dan belum hantar sebarang dokumen walaupun kerajaan negeri sudah memutuskan pemutihan kilang sehingga 31 Disember ini. Itu (kilang) yang akan ‘dikejar’ MPK.

“Dari segi penguatkuasaan, kita akan melihat ketupamaan, sama ada putus-



**Ahmad Fadzli
Ahmad Tajuddin**

kan bekalan elektrik dan air, robohkan kilang atau sita,” katanya selepas majlis penyampaian hadiah ‘Program 130 Untuk Video, Fotografi dan Melukis’ kepada pemenang di lobi MPK, di sini, semalam.

Ahmad Fadzli berkata, sebelum 31 Disember ini, MPK berharap kilang yang belum memohon untuk pemutihan dapat berbuat demikian dengan segera dengan menghantar dokumen berkaitan.

“Sebagai pihak berkuasa tempatan, MPK perlu buat penguatkuasaan sebab pada 1 Januari depan, tempoh pemutihan sudah tamat. Ia bermakna pada 1

Januari ini, 400 kilang ini akan jadi tumpuan MPK untuk penguatkuasaan.

“Program pemutihan ini sudah lama dijalankan, kita tidak mahu kalau dijangkakan tempoh pemutihan, akan banyak lagi kilang haram tumbuh bagai cendawan,” katanya.

Beliau berkata, secara keseluruhan, terdapat lebih 700 kilang di Klang, dengan 300 sudah mengemukakan dokumen untuk pemutihan.

Sebelum ini, kerajaan negeri menerusi Program Pematuhan Syarat dan Penguatkuasaan Kilang Tanpa Kebenaran memberi tempoh sehingga 31 Disember untuk kilang yang beroperasi tanpa kebenaran di negeri ini melakukan pemutihan.

Pengerusi Jawatankuasa Tetap Kerajaan Tempatan, Pengangkutan Awam dan Pembangunan Kampung Baru negeri, Ng Sze Han dilaporkan berkata, program pemutihan sepatutnya tamat 30 September lalu, tetapi dilanjutkan susulan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
 TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
 40503, SHAH ALAM, SELANGOR
 No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
 Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
 CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR 24 December 2020		
Akhbar	:	Berita Harian
Tajuk Berita	:	BH raih Anugerah Berita Alam Sekitar Terbaik MPK
Muka Surat	:	20

BH raih Anugerah Berita Alam Sekitar Terbaik MPK

Laporan 'Pegiat usaha pulihara Sungai Klang' tingkat kesedaran masyarakat

Oleh Ruwaida Md Zain
 bhnews@bh.com.my

Klang: *Berita Harian* (BH) memenangi Anugerah Berita Alam Sekitar Terbaik, Majlis Perbandaran Klang (MPK) 2020 menerusi laporan yang disiarkan di ruangan 'Jaga Sungai Kita'.

Berita bertajuk 'Pegiat usaha pulihara Sungai Klang' disiarkan

pada 19 Disember lalu itu, antara lain melaporkan inisiatif MPK mempergiatkan usaha menjaga sungai berkenaan dengan melaksanakan pemantauan terhadap pembangunan perindustrian di lokasi berhampiran.

Anugerah berkenaan antara 13 penghargaan sempena Program Anugerah Media MPK 2020 yang diumumkan menerusi laman rasmi Facebook pihak berkuasa tempatan berkenaan, semalam.

Yang Dipertua MPK, Dr Ahmad Fadzli Ahmad Tajuddin, berkata MPK menerima 80 penyertaan dari pelbagai media massa bagi program anugerah berkenaan tahun ini.

"Pemilihan dibuat berdasarkan kelainan media membuat laporan dan berita yang positif. Pada masa

sama, penulisan disampaikan adalah yang berkualiti serta memberi impak kepada masyarakat dan imej MPK.

"Saya kagum dengan pengamal media yang sentiasa menjunjung tinggi etika kewartawanan, iaitu seimbang dalam pemberitaan.

"Media adalah medium penghubung yang mendekatkan MPK dengan masyarakat menerusi liputan berkaitan isu yang relevan.

"MPK juga menghargai peranan media yang memberikan kerjasama baik dalam menyampaikan maklumat kepada masyarakat. Sumbangan dan sokongan media amat dihargai," katanya dalam ucapan sempena pengumuman pemenang anugerah berkenaan.



Laporan 'Pegiat usaha pulihara Sungai Klang' memenangi Anugerah Berita Alam Sekitar MPK 2020.

Dalam pada itu, katanya, Anugerah Penghargaan Media tahun ini sedikit berbeza berbanding tahun sebelumnya kerana diadakan secara maya berikutan penularan pandemik COVID-19.

Anugerah lain adalah Berita Isu Semasa Terbaik, Berita Klang Ceria, Berita Komuniti Terbaik,

Berita Pembangunan Terbaik, Berita Positif Terbaik, Berita Prihatin Terbaik, Berita Sensasi Klang, Fotografi MPK Terbaik, Anugerah Khas YDP, Anugerah Media Kreatif Terbaik, Anugerah Media Khas Pelancongan dan Anugerah Penghargaan Laporan COVID-19.



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR 24 December 2020

Akhbar	:	Utusan Malaysia
Tajuk Berita	:	Tabiat buang sampah masih belum 'mati'
Muka Surat	:	19

ADUAN PBT



LAMBAKAN sampah yang dibuang di Jalan Tun Perak 4 di Cheras, Kuala Lumpur mengundang kemarahan penduduk.

Tabiat buang sampah masih belum 'mati'

SAUDARA PENGARANG,

SIKAP rakyat Malaysia yang gemar membuang sampah merata-rata tanpa memikirkan kesan terhadap orang lain dan alam sekitar nampaknya masih lagi menjadi tabiat yang sukar 'dimatikan.'

Ini terbukti apabila penduduk tanpa rasa bersalah membuang sampah di tepi jalan di sekitar Jalan Tun Perak 4 di Cheras, Kuala Lumpur, sedangkan tong sampah disediakan oleh pihak berkuasa.

Tindakan tersebut bukan sahaja menyakitkan mata, malah meninggalkan bau busuk serta menunjukkan mentaliti masyarakat yang tidak mementingkan kebersihan.

Bukan sahaja sisa dapur, mereka turut membuang lampin pakai buang, perabot, pakaian dan tilam buruk.

Di kawasan tersebut, terpatut papan tanda larangan membuang sampah oleh Majlis Perbandaran Kajang (MPKJ), namun tidak diindahkan oleh penduduk yang masih berdegil membuang sampah di tepi jalan.

Diharap pihak berkuasa memantau dengan mengenakan denda kepada mereka yang melakukan aktiviti tersebut tanpa memilih kasih kerana penduduk terkesan.

Jika tidak segera diatasi, kemungkinan timbul masalah-masalah lain seperti longkang tersumbat yang akhirnya lebih memburukkan lagi keadaan seperti banjir kilat.

ZUL
Cheras, Kuala Lumpur



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR 24 December 2020

Akhbar	:	Harian Metro
Tajuk Berita	:	Jalani saringan percuma
Muka Surat	:	10



PETUGAS kesihatan Klinik Selcare melakukan ujian saringan Covid-19 kepada orang ramai secara percuma anjuran kerajaan Selangor dalam program ujian komuniti bersasar bermula dari jam 9 pagi hingga 4 petang di Jalan Batu Unjur 3A, Taman Bayu Perdana, Klang, semalam.



KERATAN AKHBAR
24 December 2020

Akhbar	:	Harian Metro
Tajuk Berita	:	400 kilang haram tunggu masa
Muka Surat	:	11

400 kilang haram 'tunggu masa'

Klang: Sebanyak kira-kira 400 kilang haram dikenal pasti bakal dirobohkan dan disita manakala bekalan air dan elektrik dipotong berikutan masih tidak membuat sebarang permohonan untuk pemutihan kilang masing-masing.

Yang Dipertua Majlis Perbandaran Klang (MPK), Dr Ahmad Fadzli Ahmad Tajuddin berkata, semua kilang itu masih mempunyai kira-kira tujuh hari untuk berbuat demikian sebelum tarikh akhir 31 Disember ini.

Katanya, MPK tidak teragak-agak melakukan tindakan penguatkuasaan sebagaimana arahan kerajaan negeri sebelum ini sekiranya kilang berkenaan tidak menghantar sebarang dokumen berkaitan pemutihan.

"Kira-kira 400 kilang di kawasan pentadbiran MPK belum berbuat apa-apa dan belum menghantar sebarang dokumen, walaupun kerajaan negeri su-



DR Ahmad Fadzli

dah memutuskan pemutihan kilang sehingga 31 Disember ini.

"Dari segi pelaksanaan dan penguatkuasaan, kita akan melihat keutamaannya sama ada putus bekalan elektrik dan air, robohkan kilang atau sita.

"Jadi, 400 kilang ini dalam perhatian dan sudah dikenal pasti oleh MPK untuk dirobohkan. Kilang hantar dokumen, itu tiada masalah, akan dibincangkan dan akan ada keputusan, yang tidak buat apa-apa akan dikenakan tindakan," katanya.



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
 TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
 40503, SHAH ALAM, SELANGOR
 No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
 Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
 CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR		
24 December 2020		
Akhbar	:	Harian Metro
Tajuk Berita	:	Laluan MyAV diluluskan
Muka Surat	:	26

Kuala Lumpur: Laluan Pengujian Kenderaan Berautonomi (MyAV) pertama di negara ini yang terletak di Cyberjaya sudah diluluskan dengan eMoovit Technology Sdn Bhd menjadi syarikat pertama diberi kelulusan menggunakan laluan berkenaan untuk pengujian kereta berautonomi atau kenderaan pemanduan sendiri.

Ita diumumkan Futurise yang membangunkan laluan pengujian itu bersama Kementerian Pengangkutan (MOT) di bawah inisiatif Sandbox Pengawalseliaan Nasional (NRS) untuk pembangunan projek kenderaan berautonomi atau kenderaan pandu sendiri.

Futurise anak syarikat milik penuh Cyberview Sdn Bhd di bawah Kementerian Keuangan berperanan sebagai penasihat dasar awam kementerian dan industri membentuk Malaysia ke arah ekonomi masa hadapan.

eMoovit yang ditubuhkan pada 2016 adalah syarikat pemula tempatan dengan pengkhususan dalam bidang

Laluan MyAV diluluskan



KETUA Setiausaha MOT, Datuk Isham Ishak (kanan) dan Mahadhir.

perisian kenderaan agnostik tanpa pemandu untuk laluan persekitaran bandar.

Syarikat itu membina perisian kenderaan tanpa pemandu berdasarkan komponen yang dapat mengubah kenderaan tertentu menjadi kenderaan autonomi dan dapat digunakan dalam aplikasi yang berbeza seperti pengangkutan mil pertama/terakhir, pengangkutan logis-

tik dan penyelesaian utiliti.

Futurise berkata, permohonan untuk menggunakan laluan pengujian kenderaan pemanduan sendiri di Cyberjaya itu mesti ditujukan kepada Futurise sebagai sekretariat yang mengesahkan aplikasi berkenaan bersama Jawatankuasa Penilaian Pengujian Kenderaan Berautonomi yang dipengerusikan oleh MOT.

Ketua Pegawai Eksekutif Futurise, Mahadhir Aziz berkata, Garis Panduan Percubaan Kenderaan Berautonomi di jalan awam di Cyberjaya sudah dibangunkan penghujung tahun lalu serta menerima pengesahan daripada MOT dan Majlis Perbandaran Sepang sebelum sebarang kerja dimulakan ke atas laluan-laluan yang akan diuji.



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
 TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
 40503, SHAH ALAM, SELANGOR
 No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
 Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
 CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR 24 December 2020		
Akhbar	:	Sinar Harian
Tajuk Berita	:	McDonald's Malaysia bayar zakat rm1 juta
Muka Surat	:	5

McDonald's Malaysia bayar zakat RM1 juta

Penuhi tuntutan agama, bantu golongan masyarakat yang memerlukan

McDonald's Malaysia menunaikan tanggungjawabnya membayar zakat perniagaan berjumlah RM1 juta kepada semua 14 negeri di Malaysia

Pembayaran yang dicatatkan untuk tahun 2020 itu menandakan tahun keempat McDonald's Malaysia membayar zakat, sejak syarikat itu diambil alih Lionhorm Pte. Ltd., sebuah anak syarikat Kumpulan Reza dari Arab Saudi.

Pengarah Urusan dan Rakan Operasi Tempat-tempat McDonald's Malaysia, Azmir Jaafar berkata, McDonald's Malaysia telah menyampaikan zakat kepada Pusat Pungutan Zakat Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (PPZ-MAIWP) dan Lembaga Zakat Selangor (LZS) di dua majlis berasingan minggu lalu.

"Sebagai entiti perniagaan 100 peratus milik umat Islam, ia adalah tuntutan agama bagi kami membayar zakat untuk diagihkan kepada golongan masyarakat yang memerlukan.

"Kami mula membayar zakat sejak 2017 setelah diambil alih Lionhorm Pte. Ltd., sebuah anak syarikat Kumpulan Reza," katanya kepada *Sinar Harian*.

Menurutnya, sebagai sebuah syarikat yang mengendalikan operasi lebih daripada 300 restoran di seluruh Malaysia, tanggungjawab menunaikan Rukun Islam kelima itu sentiasa menjadi sebahagian daripada DNA McDonald's Malaysia.

"Tanggungjawab ini menjangkau keperluan komuniti di tempat kami beroperasi. Kami berharap sumbangan kepada semua 14 negeri ini akan terus membantu golongan miskin di seluruh negara, terutamanya dalam suasana kehidupan semasa yang penuh dugaan ini," tambah Azmir.

Pada tahun 2019, McDonald's Malaysia merupakan entiti perniagaan yang pertama menerima Sijil Pengiktirafan Pembayar Zakat Korporat daripada PPZ-MAIWP.



Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama), Datuk Seri Dr. Zulkifli Mohamad Al-Bakri (tengah) menerima zakat perniagaan berjumlah RM150,000 daripada McDonald's Malaysia kepada PPZ-MAIWP.

Sebagai entiti perniagaan 100 peratus milik umat Islam, ia adalah tuntutan agama bagi kami membayar zakat untuk diagihkan kepada golongan masyarakat yang memerlukan.

Sijil berkenaan mengiktiraf perniagaan Malaysia bagi sumbangan zakat korporat mereka di Wilayah Persekutuan.

Sijil-sijil ini sedia terpamer di 40 restoran-restoran McDonald's Malaysia di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan.

Selain itu, McDonald's Malaysia juga menerima Sijil Pengiktirafan Pembayar Zakat Korporat daripada Lembaga Zakat Selangor pada Oktober tahun ini dan dipamerkan di 95 restoran McDonald's di Selangor.

Sijil-sijil Pengiktirafan Pembayar Zakat melengkapkan Pensijilan Halal yang sedia dimiliki McDonald's Malaysia.

McDonald's Malaysia juga bekerja rapat dengan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) untuk terus menegakkan komitmen Halal kepada para pelanggannya dalam semua aspek perniagaan.

Penglibatan aktif syarikat ini dalam pelbagai program Halal sejak beberapa tahun kebelakangan ini termasuk Pameran Halal Antarabangsa Malaysia (MIHAS), HALFEST dan Sidang Kemuncak Halal Sedunia.

"Sebagai salah satu restoran khidmat segera pertama di Malaysia yang menerima pensijilan halal daripada JAKIM, Halal di McDonald's Malaysia merangkumi seluruh rantai bekalan sumber dan operasi, daripada rasa makanan dan bahan ramuan halal, hinggalah kebersihan restoran dan program komuniti yang syarikat turut serta," jelas Azmir.

Katanya, untuk memastikan standard halal yang ketat sentiasa dipatuhi di McDonald's Malaysia, syarikat ini telah membentuk Jawatankuasa Halal Dalamannya pada tahun 2013.

Jawatankuasa ini ditugaskan untuk memantau pematuhan sepenuhnya secara menyeluruh melalui audit dan pemeriksaan mengikut tata tertib Halal yang digariskan JAKIM.

Ia terdiri daripada anggota-anggota yang mewakili lembaga pengarah, rantai bekalan, jaminan kualiti, operasi, sumber manusia dan pemasaran. Dua pakar luar juga terlibat sebagai penasihat syariah.

Untuk maklumat lanjut, sila layari www.mcdonalds.com.my.



Penyerahan zakat perniagaan McDonald's Malaysia kepada Lembaga Zakat Selangor berjumlah RM175,000.

LATAR BELAKANG McDONALD'S

- Rangkaian global perkhidmatan makanan melibatkan kira-kira 36,000 cawangan restoran di seluruh dunia dengan pelanggan lebih 70 juta sehari di lebih 100 buah negara.
- Sepanjang 38 tahun McDonald's di Malaysia, McDonald's memberi perkhidmatan kepada lebih 13.5 juta pelanggan sebulan di 300 restoran di seluruh negara.
- McDonald's Malaysia mempunyai lebih 14,000 kakitangan di semua rangkaian restorannya di seluruh negara dengan mewujudkan pelbagai peluang perkembangan karier, latihan dan pembangunan.



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR 24 December 2020

Akhbar	:	Sinar Harian
Tajuk Berita	:	Kakitangan MPK dapat bonus setengah bulan gaji
Muka Surat	:	23

Kakitangan MPK dapat bonus setengah bulan gaji

Pemberian bantuan khas itu bagi harga jasa pegawai, kakitangan MPK

Oleh MUHAMMAD AMINNURALIFF

KLANG

Majlis Perbandaran Klang (MPK) mengumumkan pemberian Bantuan Khas Kewangan kali kedua kepada kakitangannya pada Disember ini.

Yang Dipertua MPK, Dr Ahmad Fadzli Ahmad Tajuddin berkata, pem-



Ahmad Fadzli mempengerusikan Mesyuarat Ahli Majlis Perbandaran Klang (MPK) di Bilik Mesyuarat Raja Mahadi pada Rabu.

berian bantuan khas itu bagi menghargai jasa pegawai dan kakitangan MPK.

“Sukacita dimaklumkan bahawa Majlis Perbandaran Klang bersetuju untuk memberikan Bantuan Khas Kewangan (BKK) Kali

Kedua Tahun 2020 sebanyak setengah bulan gaji kepada seluruh kakitangan.

“Pemberian ini selaras dengan Garis Panduan Pentadbiran Setiausaha Kerajaan Selangor,” katanya.

Beliau berkata

demikian selepas Mesyuarat Ahli Majlis Perbandaran Klang (MPK) di Bilik Mesyuarat Raja Mahadi pada Rabu.

Katanya, pemberian bantuan itu turut melibatkan ahli majlis, Pegawai One Stop Centre (OSC) dan juga Pegawai Commissioner of Building (COB).

Dalam pada itu, Majlis Perbandaran Klang (MPK) turut mengumumkan sehingga November 2020, jumlah kutipan hasil adalah sebanyak RM254 juta.

“Hasil ini merupakan pencapaian prestasi 103 peratus berbanding belanjawan tahunan berjumlah RM246.7 juta,” katanya.



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR **24 December 2020**

Akhbar	:	Sinar Harian
Tajuk Berita	:	Sinar Harian terima Anugerah Berita Pembangunan Terbaik MPK 2020
Muka Surat	:	24

Sinar Harian terima Anugerah Berita Pembangunan Terbaik MPK 2020

KLANG - *Sinar Harian* melakar kejayaan apabila mengungguli Anugerah Berita Pembangunan Terbaik menerusi Anugerah Media Majlis Perbandaran Klang (MPK) 2020.

Kemenangan artikel bertajuk 'Dr Ahmad Fadzli mahu jadikan Klang bandar raya sejahtera' yang ditulis oleh wartawan *Sinar Harian* Selangor, Muhammad Aminnuraliff itu diumumkan menerusi laman Facebook rasmi

MPK pada Rabu.

Yang Dipertua MPK, Dr Ahmad Fadzli Ahmad Tajuddin berkata, terdapat 13 anugerah yang dipertandingkan MPK menerusi Program Anugerah Media MPK 2020 kali ini.

"Antara yang dipertandingkan adalah Berita Isu Semasa Terbaik, Berita Klang Ceria, Berita Komuniti Terbaik, Berita Pembangunan Terbaik, Berita Positif Terbaik, Berita Prihatin Terbaik, Berita Sensasi Klang,

Fotografi MPK Terbaik, Anugerah Khas YDP, Anugerah Media Kreatif Terbaik, Anugerah Media Khas Pelancongan dan Anugerah Penghargaan Laporan Covid-19.

"Anugerah Media MPK 2020 diadakan secara langsung bagi memberi penghargaan kepada pengamal media yang melaporkan mengenai daerah Klang ini sekali gus menyampaikan input yang berguna kepada masyarakat," katanya.



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR 24 December 2020		
Akhbar	:	Sinar Harian
Tajuk Berita	:	Air Selangor raih RM1.15 bilion daripada terbitan Sukuk Murabahah pertama
Muka Surat	:	31

Air Selangor raih RM1.15 bilion daripada terbitan Sukuk Murabahah pertama

KUALA LUMPUR - Pengurusan Air Selangor Sdn Bhd (Air Selangor) berjaya menyelesaikan

penerbitan Nota Kewangan Jangka Sederhana Islam (IMTN) dan Kertas Komersial Islam (ICP) pertamanya di bawah Program Sukuk Murabahah yang diperkenalkan baru-baru ini.

Menerusi kenyataan pada Rabu, Air Selangor berkata, program IMTN itu terdiri daripada program ICP bagi tempoh 30 tahun dan tujuh tahun dengan nilai nominal had gabungan sehingga RM10 bilion.

Berdasarkan penerbitan Sukuk Murabahah, Air Selangor berjaya meraih RM50 juta menerusi penerbitan ICP dan RM1.1 bilion merangkumi empat tempoh di antara tiga dengan 10 tahun melalui penerbitan IMTN itu.

Ketua Pegawai Eksekutif Air Selangor Suhaimi Ka-



maralzaman berkata, berikutan sentimen pasaran yang berhati-hati, syarikat itu berjaya memper-

oleh permintaan kukuh daripada pasaran dengan nilai perolehan kontrak berjumlah RM1.445 bilion bagi IMTN itu, mewakili purata nisbah lebihan langganan 135 peratus dalam tempoh itu.

“Penerbitan itu menarik minat pelbagai kumpulan pelabur Islam serta pelabur konvensional yang merangkumi syarikat-syarikat pengurusan aset dan institusi kewangan,” katanya.

Kejayaan menetapkan harga untuk penerbitan Sukuk Murabahah itu membuktikan peranan Air Selangor dalam sektor air.

“Malah, ia adalah kejayaan penting perjalanan Air Selangor ke arah meningkatkan dan menaik taraf infrastruktur air kita untuk menyediakan perkhidmatan

terbaik kepada pelanggan kami,” katanya.

Hasil daripada penerbitan Sukuk Murabahah itu boleh dimanfaatkan antaranya untuk membiayai perbelanjaan modal Air Selangor dan keperluan modal kerja dan membiayai semula man-keberhutangan sedia ada atau keberhutangan patuh Syariah pada masa depan.

Program Sukuk Murabahah itu telah diberikan penilaian jangka panjang dan pendek AAA, masing-masing dengan unjuran stabil dan P1 oleh RAM Rating Services Sdn Bhd.

Melalui Program Sukuk Murabahah itu, Air Selangor mungkin turut menerbitkan Sukuk Kelestarian Air Selangor yang mematuhi Rangka Kerja Sukuk Kelestarian Pembangunan Mampan Air Selangor untuk membiayai projek pelaburan lestari dan bertanggungjawab seiring dengan strategi kemampanan Air Selangor.- *Bernama*



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR
23 December 2020

Akhbar	:	Selangor TV
Tajuk Berita	:	Baiki Bahu Jalan Rosak Elak Kemalangan Berulang
Muka Surat	:	-



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR
23 December 2020

Akhbar	:	Selangor TV
Tajuk Berita	:	Kerajaan Negeri Sedia Bantu Pulih Rumah Pangsa Uzur
Muka Surat	:	-



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR
23 December 2020

Akhbar	:	Selangor TV
Tajuk Berita	:	Sultan Terima RM9.8 Juta Zakat Perniagaan
Muka Surat	:	-



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
 TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
 40503, SHAH ALAM, SELANGOR
 No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
 Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
 CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR		
24 December 2020		
Akhbar	:	The Star
Tajuk Berita	:	Sticking to the game plan
Muka Surat	:	1



Sticking to the *game plan*

The movement control order, a massive flood and a lockdown may have put a damper on Sepang Municipal Council's tourism calendar this year, but plans are still afoot to pull in visitors. In the administrative capital, Putrajaya Corporation mulls converting underutilised motorbike lanes into bicycle lanes while the Kuala Langkat council hires waste management professionals to combat illegal dumping. >2&3





PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR

24 December 2020

Akhbar	:	The Star
Tajuk Berita	:	COUNCIL MATTERS
Muka Surat	:	2

COUNCIL MATTERS

> Petaling Jaya City Council (MBPJ) will have its 'Jom Bayar Lesen' counters at Menara MBPJ and headquarters relocated to the MBPJ Civic Centre until Dec 31. The council will also have mobile counters at several locations this month for traders to renew their licence before the year ends. The counters will be at SS2 morning market (Dec 24), SS2/6 night market (Dec 28), and Medan Jalan 9 night market (Dec 30).

Counters at the morning market operate from 9am to noon while those at night markets operate from 4pm to 7pm. For details, call 03-796 04667 / 9026.

